



INSTITUT PERGURUAN TUANKU BAINUN,
14000 BUKIT MERTAJAM

KOLEKSI ABSTRAK IPTB 2003-2008

© HAKCIPTA INSTITUT PERGURUAN TUANKU BAINUN, BUKIT MERTAJAM

HAKCIPTA TERPELIHARA. TIDAK DIBENARKAN MENGELUARKAN MANA-MANA BAHAGIAN BUKU INI DALAM APA-APA JUA BENTUK, ATAU APA CARA JUA MAKSUD DAN TUJUAN, TANPA MENDAPAT IZIN BERTULIS DARIPADA PENGARAH INSTITUT PERGURUAN TUANKU BAINUN, BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG.

SEGALA LAPORAN KAJIAN DAN PENULISAN YANG TERKANDUNG DALAM JURNAL INI ADALAH HASIL PEMIKIRAN, PENYELIDIKAN, DAN PENGHAYATAN PENULIS-PENULIS BERKENAAN DAN TIDAK SEMESTINYA MENCERMINKAN PENDAPAT SIDANG EDITOR.



INSTITUT PERGURUAN TUANKU BAINUN,
14000 BUKIT MERTAJAM

SIDANG REDAKSI

PENGARAH

HAJAH ROHANI BINTI ISMAIL

TIMBALAN PENGARAH

HAJI DAUD BIN MD. SAMAN

KETUA JABATAN

**JABATAN PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN
PROFESIONALISME PERGURUAN (R & D)**

ISMAIL BIN HAJI ABDULLAH

EDITOR

AUZAIT BIN SHAMSUDIN

KIM TENG SIANG

ANAS BIN SURAY

LEE LAY SEE

TEH TIAM KIAN

HANUNAH BT AHMAD SHAH

JOHARI BIN HARUN

MOHD KHALIL BIN MOHD YUSOFF

SURIATY BT MD AROF

PEMBANTU TADBIR

ROHANA BT SABRI

KATA ALUAN PENGA...



Alhamdulillah saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin Nya sekali lagi Institut Perguruan Tuanku Bainun berjaya menerbitkan Koleksi Abstrak IPTB dengan jayanya. Tahniah dan syabas kepada Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan Profesional dan ahli jawatankuasanya kerana telah berusaha bagi memastikan koleksi ini dapat diterbitkan. Ini bermakna, jabatan ini telah berjaya menyemaikan budaya penyelidikan dan penulisan ilmiah dalam kalangan warga institut sebagai langkah membina ketrampilan dan peningkatan ilmu.

Koleksi ini merupakan wadah bagi pensyarah dan guru menyebarkan hasil tulisan untuk dikongsi dan dimanfaatkan oleh semua pihak terutamanya warga pendidik. Tahniah kepada pensyarah-pensyarah yang telah menghasilkan penulisan abstrak. Penglibatan dalam penyelidikan dan penulisan ilmiah akan dapat memperkayakan minda melalui penemuan dapatan-dapatan baru. Saya percaya idea dan pandangan baru yang lahir melalui Koleksi Abstrak IPTB akan memberi memanfaatkan bidang pendidikan selaras dengan tema kelima Pelan Induk Pembangunan Pendidikan iaitu memartabatkan profesion keguruan.

Saya berharap penerbitan koleksi ini akan dapat dimanfaatkan oleh kita bersama. Ia adalah salah satu saluran bagi mengiktiraf kerja-kerja penyelidikan pendidikan yang diakui kepentingannya oleh semua pihak. Ia boleh dijadikan satu forum untuk membina dan menyebarkan pengalaman dan pengetahuan melalui penulisan yang didokumentasikan. Adalah diharapkan, dapatan dari perbincangan-perbincangan di dalam Koleksi Abstrak IPTB akan menjadi input berkualiti dalam usaha mempertingkatkan kecekapan pelaksanaan program-program pendidikan yang sedia ada dan berupaya menyelesaikan masalah pendidikan dengan lebih berkesan.

Sekian, tahniah dan syabas.

HAJAH ROHANI BINTI ISMAIL

KATA ALUAN KETUA JABATAN

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D)



Segala pujian bagi Allah S.W.T. Tuhan sekalian alam; selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad S.A.W., keluarga baginda dan sahabat baginda.

Ini kali pertama Institut Perguruan Tuanku Bainun berjaya menerbitkan Koleksi Abstrak IPTB. Sebelum ini, IPTB menerbitkan 'KARYA DAN PARADIGMA' yang merupakan koleksi artikel ilmiah dan semi ilmiah. Di atas keupayaan, kesungguhan, dan komitmen Ahli Jawatankuasa Penyelidikan dan Pembangunan, di dalam penerbitan ini – saya mengucapkan tahniah dan syabas.

Kami amat menghargai segala teguran, nasihat, dan bimbingan para pembaca untuk menambah baik koleksi ini, sama ada dari segi kandungan, format, rekaletak, mahupun kualiti penulisan. Kami memang berazam untuk menerbitkan koleksi abstrak yang bermutu sesuai dengan usaha menaiktaraf Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM).

Sesuai dengan falsafah pendidikan sepanjang hayat (life long learning), dan misi Kementerian Pelajaran Malaysia menjadikan pendidikan Malaysia bertaraf dunia, maka sewajarnya para pendidik guru sentiasa berusaha meningkatkan diri dari aspek ilmu pengetahuan terkini, kemahiran-kemahiran baru, nilai-nilai murni yang unggul, dan '*pedagogical content knowledge*' yang mantap dan berkesan.

Di sinilah pentingnya kajian-kajian dan proses penilaian program dibuat secara berterusan dan berfokus. Dapatan-dapatan baru ini kemudiannya disebarluaskan melalui seminar, konvensyen, kolokium, dan perjumpaan- perjumpaan secara berkala sesama warga pendidik. Dapatan-dapatan ini elok diaplikasikan untuk menilai keberkesanannya dan menjadi budaya baru yang semakin baik. Pendidik guru yang berkualiti akan membina guru-guru permulaan yang berkualiti jua.

Sekian, terima kasih.



HJ. ISMAIL BIN HJ. ABDULLAH

**PENGUASAAN TATABAHASA BAHASA MELAYU DI KALANGAN GURU-GURU
PELATIH SEMESTER DUA AMBILAN JANUARI 2001 MPTB**

Oleh
Zahariah Binti Zainuddin
Ketua Jabatan
Jabatan Pengajian Melayu

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengesan tahap penguasaan tatabahasa Melayu di kalangan guru-guru pelatih semester dua ambilan Januari 2001 Maktab Perguruan Tuanku Bainun. Kaedah kajian tersebut menggunakan ujian dengan dua bentuk soalan iaitu soalan aneka pilihan dan membina ayat. Soalan-soalan itu merangkumi kedua-dua komponen tatabahasa Melayu iaitu morfologi dan sintaksis. Komponen-komponen ini diutarakan kerana dengan empat pola dasar inilah, ayat-ayat bahasa Melayu ditransformasikan atau diperluas menjadi ayat-ayat terbitan yang lain mengikut keperluan situasi dalam komunikasi, baik secara lisan mahupun tulisan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa penguasaan tatabahasa bahasa Melayu di kalangan guru-guru pelatih tersebut adalah sederhana dalam komponen morfologi dan agak lemah dalam komponen sintaksis. Secara keseluruhannya, hasil dapatan memperlihatkan bahawa suatu tindakan harus dilakukan untuk mempertingkatkan tahap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu di kalangan guru-guru pelatih ini, memandangkan mereka akan menjadi guru yang akan mengajar pelbagai bidang ilmu di sekolah kelak.

KEPERCAYAAN GURU TERHADAP PERKEMBANGAN PENAAKULAN ALGEBRA PELAJAR

Oleh

Kim Teng Siang dan Jong Cherng Meei

Unit Matematik

Abstrak

Guru matematik sering menyusun pengajaran soalan aritmetik dan algebra berdasarkan kesukaran soalan-soalan tersebut. Biasanya guru hanya meramal tahap kesukaran soalan-soalan ini berasaskan tanggapan mereka, cadangan buku atau pengalaman sendiri dan jarang sekali berdasarkan dapatan-dapatan kajian atau pencapaian sebenar yang ditunjukkan oleh murid. Nathan dan Koedinger (2000) telah menunjukkan ramalan-ramalan guru (dan juga penyelidik) ini terpesong secara sistematik daripada pencapaian algebra pelajar yang sebenar tetapi bersepadanan secara hampir-hampir sama dengan pandangan implisit yang terdapat dalam buku teks. Kajian ini melanjutkan penyiasatan tersebut dengan menggunakan sampel yang berlainan iaitu guru matematik dan pelajar sekolah menengah rendah tempatan di Malaysia. Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa trend kepercayaan kedua-dua sampel guru dan pelajar adalah hampir sama iaitu lebih memiripkan kepada Model Perkembangan Pendahuluan Simbol daripada Model Perkembangan Pendahuluan Verval khususnya untuk soalan-soalan algebra. Sebab-sebab percanggahan dapatan ini dengan dapatan Nathan dan Koedinger (2000) juga dibincangkan dalam laporan ini.

TEORI NEOFUNGSIONALSIME : SATU ULASAN

Oleh

Arba bin Kassim

Jabatan Ilmu Pendidikan

Abstrak

Umumnya, teori atau pendekatan utama yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh seperti Marx, Weber, Durkheim, Parsons dan McClland, dan mereka yang mendominasi himpunan penulisan tentang pembangunan dan perubahan, dapat dibahagikan kepada dua kumpulan perspektif teoretis yang luas. Dua kumpulan perspektif teoretis ini merupakan penerangan alternatif tentang pembangunan dan kurang pembangunan. Dua perspektif teori pembangunan yang umum oleh Rahimah Abdul Rahim dalam bukunya Pengantar SOSIOLOGI PEMBANGUNAN ialah pertamanya, konservatif / tradisional dan keduanya, progresif / radikal. Teori ini muncul akibat dari reaksi terhadap keadaan-keadaan khusus ekonomi dan politik. Pengelompokan teori-teori pembangunan ini kepada dua kumpulan boleh dilakukan berdasarkan fakta bahawa wujud beberapa ciri umum yang dikongsi bersama oleh setiap himpunan teori yang tergolong sama ada dalam kumpulan konservatif / tradisional ataupun progresif / radikal.

KEBERKESANAN PEMBELAJARAN SEJARAH DAN KOMPONEN KOMPUTER BERASASKAN WEB BAGI GURU PELATIH SEMESTER 1 DI MPTB

Oleh

Ahmad Basri Hashim dan Azizan Ariffin

Jabatan Teknologi Pendidikan

Abstrak

Laman web akan memainkan peranan yang sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan adanya bahan-bahan pengajaran dalam laman web, proses pengajaran dan pembelajaran tidak hanya akan bergantung kepada pengajar tetapi juga kepada kebijaksanaan pelajar untuk mencari bahan. Kajian ini dijalankan untuk melihat keberkesanan pembelajaran web dalam matapelajaran teknologi maklumat. Ianya juga akan membandingkan pembelajaran web secara campuran dengan pembelajaran berasaskan web sepenuhnya. Topik yang dipilih adalah sejarah dan komponen komputer dan subjek kajian ini adalah terdiri daripada 62 orang pelatih semester 1 ambilan Julai 2002. data dikumpul melalui soal selidik dan ujian pra dan post. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pembelajaran berasaskan web adalah berkesan. Dapatan juga adalah lebih berkesan. Pelatih juga mempunyai sikap yang positif terhadap pembelajaran berasaskan web.

**KECERDASAN PELBAGAI DALAM SAINS SEKOLAH RENDAH :
PERBANDINGAN PENCAPAIAN MURID
TAHUN LIMA DI SEBUAH SEKOLAH
DI PULAU PINANG**

Oleh :

ISMAIL BIN HJ. ABDULLAH

Abstrak

Kajian ini bersifat quasi-experimental yang membandingkan pencapaian akademik, dan juga proses pengajaran dan pembelajaran, di antara dua kumpulan murid Tahun Lima di sebuah sekolah rendah di negeri Pulau Pinang. Dua buah kelas Tahun Lima yang mempunyai pencapaian hampir sama di dalam Penilaian Kendalian Berasaskan Sekolah (PKBS 1) dibahagikan secara rawak kepada dua kumpulan, dinamakan Kumpulan Eksperimen (1) dan juga Kumpulan Kawalan (2). Kumpulan 1 diberikan rawatan (treatment) dengan diajar dua (2) sub-tajuk Sains dengan satu Modul yang memasukkan unsur Kecerdasan Pelbagai (MI) oleh seorang guru yang telah mendapat Latihan Guru Sekolah Bestari selama 12 minggu. Sementara Kumpulan 2 diajar sub-tajuk yang sama dengan kaedah biasa, oleh seorang guru Sains yang belum mendapat Latihan Sekolah Bestari. Eksperimen ini dibuat dalam tempoh dua minggu sahaja dengan 4 kali pemerhatian semasa P & P. Selepas eksperimen, satu ujian akademik khas dijalankan bagi kedua-dua kumpulan. Analisis dilakukan secara statistik deskriptif. Sementara satu ujian-t juga dilakukan bagi melihat perbezaan di antara keputusan ujian pasca di antara dua kumpulan itu. Perbandingan juga dibuat melalui pemerhatian proses pengajaran dan pembelajaran dan juga analisis dokumen (Persediaan Pengajaran dan Pembelajaran). Satu inventori untuk mengenalpasti Kecerdasan Pelbagai (MI) di kalangan murid Tahun Lima sekolah tersebut juga dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perbezaan di antara pencapaian ujian pasca di antara dua kumpulan itu tidak signifikan melalui Ujian-t. Walau bagaimanapun, kesan yang positif dapat dilihat melalui perbandingan min markah, dan peratus pencapaian murid Gred A. Kumpulan Eksperimen mendapat min lebih tinggi, dan pencapaian Gred A yang lebih baik daripada Kumpulan Kawalan. Proses pengajaran dan pembelajaran di antara dua kumpulan itu juga menampakkan perbezaan yang ketara di mana, Kumpulan Eksperimen menunjukkan unsur-unsur Kecerdasan Pelbagai (MI) dimasukkan melalui aktiviti-aktiviti pembelajaran berpusatkan murid, berasaskan kumpulan, dan juga berdasarkan kaedah yang pelbagai. Murid kelihatan lebih ceria, dan aktif dalam proses P & P. Melalui Inventori MI yang dijalankan, murid-murid memiliki kecerdasan-kecerdasan yang tinggi mengikut tertib seperti berikut : Kecerdasan Logical-Mathematical, Kecerdasan Interpersonal, Kecerdasan Naturalistic, Kecerdasan Verbal-Linguistic, Kecerdasan Visual-Spatial, Kecerdasan Intrapersonal, Kecerdasan Bodily-Kinesthetic, dan Kecerdasan Musical-Rhythmic.

THE THEORETICAL ORIENTATIONS TO READING PROFILE OF TESL UNDERGRADUATE TEACHERS IN MPTB: AN EXPLORATORY STUDY

LEE LAY SEE

*English Language Unit,
Maktab Perguruan Tuanku Bainun*

ABSTRACT

In attempting to enhance the standards of reading instruction for Etems (English for the teaching of Science and Mathematics) in Malaysia, it is important to explore what teachers do, what they know and believe and how their knowledge and beliefs relate to classroom practice. This study reports a study of the theoretical beliefs of 66 TESOL undergraduate teachers who have been teaching reading under the Malaysian English Language Primary Curriculum. This study employed quantitative and qualitative methods to answer two research questions. The first research question is related to the undergraduate students' perceptions of their own theoretical orientations to reading. To answer research question two, correlation of these orientations was tested on the participants' background and experiences. Findings indicated that 51.5% of the respondents believe in phonics, 48.5% support the skills approach and 0% support the whole language approach. Only 3% support the balanced approach to reading. However, findings from the interviews showed that teachers teach reading predominantly via the whole language approach in the Malaysian primary classrooms.

**TAHAP PENGUASAAN PENULISAN JAWI PEDOMAN BARU DI KALANGAN
GURU PELATIH KDPM DAN KPLI OPSYEN PENGAJIAN AGAMA**

MAHADZIR BAHARI

RAFUAN OTHMAN

Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap penguasaan tulisan jawi di kalangan guru-guru pelatih Pengajian Agama. Satu ujian bertulis telah dibina bagi kajian ini dan diberikan kepada 30 orang pelatih Pengajian Agama major KDPM dan KPLI. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pencapaian sample adalah sederhana di dalam terjemahan Bahasa Arab, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu ke penulisan Jawi Pedoman Baru. Di antara faktor-faktor yang mempengaruhi dapatan ini adalah sikap kurang minat terhadap tulisan jawi. Beberapa cadangan juga diberikan untuk kajian masa depan di dalam laporan penyelidikan ini.

**LEVEL OF BILINGUAL COMPETENCY AND ITS RELATIONSHIP WITH
THE ACHIEVEMENTS OF PRIMARY YEAR 1 STUDENTS IN
MATHEMATICS AND SCIENCE**

Article I. By

SCIENCE AND MATHEMATICS DEPARTMENT

ABSTRACT

Teaching Mathematics and Science in English while other subjects in other languages or the students' mother tongues concurrently has been a new development in education system of Malaysia. Obviously this has made all the students undergoing this program bilingual. As this program is unique and unequal even in this world, little is known about the relationship of the students' bilingual competency and their achievements in Mathematics and Science respectively. Thus this study aims to explore these relationships especially among the Primary Year 1 students that were the first batch of students undergoing this program. A sample of 400 Year 1 students was selected randomly using cluster method. These students were from the 15 National Schools selected randomly out of a total of 121 schools in the state of Penang. One class was selected randomly from each school if it has more than 1 class of Year 1. Each of these students was subjected to the tests of bilingual competency, Mathematics and Science. Due to attrition (13%), only 348 students have completed all the tests required of which 151 (43.4%) were boys and 197 (56.6%) were girls. The results revealed that level of bilingual competency correlates moderately strong with either Mathematics (0.547) or Science (0.553). Girls were found to achieve better in both of the subjects than boys although they did not differ in their levels of bilingual competency. Besides that strong bilinguals were the best achievers, followed by Malay-dominant bilinguals and the weakest were the weak bilinguals for both of the subjects. Some of the implications of these results were discussed.

**SATU TINJAUAN TERHADAP TEMA-TEMA DALAM SUKATAN PELAJARAN
PENDIDIKAN NEGARA BANGSA UNTUK KURSUS PERGURUAN LEPASAN
IJAZAH**

Oleh

SIVARAJAN A/L PONNIAH

Jabatan Kajian Sosial

ABSTRAK

Negara bangsa merupakan elemen yang penting dalam sesebuah negara. Konsep negara bangsa perlu diterapkan dalam setiap penduduk di negara Malaysia. Proses pembinaan negara bangsa melibatkan penerapan unsur-unsur patriotisme. Semangat kenegaraan, semangat cintakan negara dan semangat taat setia kepada negara ditekankan dalam unsur patriotisme ini. Persekitaran sekolah merupakan tempat yang sesuai untuk menerapkan unsur patriotisme terutama di kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah. Guru merupakan pemangkin utama dalam menerapkan proses pembinaan negara bangsa di kalangan pelajar sekolah. Pendidikan negara bangsa telah diperkenalkan di maktab perguruan agar guru pelatih mendapat kemahiran serta idea-idea mengenai proses pembinaan negara bangsa berlandaskan negara Malaysia. Kajian dilakukan untuk melihat tema-tema yang diperkenalkan dalam sukatan pelajaran pendidikan negar bangsa menepati dengan kehendak ciri-ciri negara bangsa yang ditekankan dalam proses pembinaan negara bangsa.

**THE LEVELS OF REFLECTION OF THE TRAINEE TEACHERS IN THE
POSTGRADUATE DIPLOMA IN PRIMARY EDUCATION PROGRAMME (ENGLISH
STUDIES)**

By

QUAH SEOK HOON
&
MUHAMMAD RAJA ABDULLAH
English Language Unit,

ABSTRACT

Writing post-teaching reflections and weekly journals by trainee teachers is a common practice in teacher preparation in Malaysia. Nonetheless, relatively very little is known about the level of reflection of the trainees. This study investigated the levels of reflective thinking of a group of KPLI English Major teacher trainees from Maktab Perguruan Tuanku Bainun. The data collected was the trainees' daily reflections, their weekly reflective journals and two group interviews. The data was analysed according to Ward's (2004) Reflection Rubric focusing on the aspects of Focus, Inquiry and Change in relation to the reflection levels: Routine, Technical, Dialogic and Critical. The findings show that there is a higher tendency for trainee teachers to reflect at the technical level for all the three aspects as compared to the routine, dialogic and critical levels. Discussions with supervisors, mentors and peers as well as the practice of writing weekly journals facilitated their reflectivity. These imply that supervisors and mentors should have probing discussions with trainees after their lessons to push them to higher levels of reflections. Discussions with peers and writing effective reflective journals should also be made a common practice within the course syllabus to promote their professional development.

ABSTRAK

Penulisan refleksi selepas mengajar dan jurnal mingguan oleh guru pelatih adalah amalan biasa dalam penyediaan guru di Malaysia. Namun begitu, tidak banyak diketahui tentang tahap refleksi pelatih-pelatih. Kajian ini menyiasat tahap refleksi sekumpulan pelajar KPLI Bahasa Inggeris dari Maktab Perguruan Tuanku Bainun. Pengumpulan data terdiri daripada refleksi harian, jurnal refleksi mingguan dan dua temuramah secara kumpulan. Data dianalisis berdasarkan Rubrik Refleksi Ward (2004) bertumpu kepada aspek-aspek 'Focus', 'Inquiry' and 'Change' yang dikaitkan dengan tahap-tahap refleksi: 'Routine', 'Technical', 'Dialogic' and 'Critical'. Penemuan menunjukkan bahawa terdapat kecenderungan yang lebih tinggi bagi guru pelatih untuk membuat refleksi di tahap 'technical' dibandingkan dengan tahap-tahap 'routine', 'dialogic' dan 'critical'. Perbincangan dengan penyelia, mentor dan rakan sebaya, berserta dengan penulisan jurnal refleksi memudahkan refleksi. Ini menunjukkan bahawa penyelia dan mentor perlu mengadakan perbincangan secara 'probing' bersama pelatih selepas pelajaran mereka untuk membolehkan mereka berrefleksi pada tahap yang lebih tinggi. Perbincangan dengan rakan sebaya dan penulisan refleksi yang berkesan patut di jadikan sebahagian daripada sukatan kursus untuk menggalakkan perkembangan profesional guru pelatih.

**PENGUNAAN STESEN PENDIDIKAN ALAM SEKITAR (SePAS)
DALAM PELAKSANAAN PENDIDIKAN ALAM SEKITAR
MERENTAS KURIKULUM: SATU KAJIAN KES
DI NEGERI PULAU PINANG**

Oleh

AHMAD JASMI BIN DON

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menyingkap kadar penggunaan Stesen Pendidikan Alam Sekitar (SePAS) oleh guru dalam melaksanakan Kurikulum Pendidikan Alam Sekitar (KuPAS) dan meninjau persepsi guru mengenai kegunaan SePAS serta halangan-halangan kepada penggunaannya di sekolah. Seramai 121 orang guru dari sepuluh buah sekolah di daerah Seberang Prai Pulau Pinang telah dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati sebahagian besar sekolah-sekolah menengah di daerah ini tidak mempunyai stesen pendidikan alam sekitar yang dibangunkan khusus untuk tujuan pengajaran pembelajaran KuPAS. Kadar penggunaan SePAS di kalangan guru juga amat rendah dan tidak mencapai tahap memuaskan walaupun terdapat beberapa stesen belajar sedia ada disekolah tersebut yang boleh digunapakai bersama,. Didapati hanya 6.91% guru sahaja dari sampel yang dikaji pernah menggunakan stesen belajar sebanyak 1 hingga 3 kali setahun dalam pengajaran pembelajaran mereka. Pengkaji mendapati kurang pendedahan dan latihan terhadap kurikulum PAS ini, pengetahuan dan kemahiran dalam bidang, kekurangan sumber dan prasarana serta kekangan masa merupakan faktor utama yang mempengaruhi kegagalan guru dalam menjayakan kurikulum ini di sekolah. Sehubungan itu cadangan supaya pelaksanaan program ini dikaji dan dinilai semula dan sebahagian besar guru bersetuju supaya mata pelajaran ini diajar secara berasingan dan bukan secara merentas kurikulum seperti sekarang.

**PELAKSANAAN PROGRAM KPLI MOD LPBS SEKOLAH RENDAH : SATU
TINJAUAN TERHADAP PERMASALAHAN DAN CABARANNYA**

**MOHD KHALIL BIN MOHD YUSOFF &
NOOR MIZA BT ABDUL RAHMAN**

Jabatan Ilmu Pendidikan

Abstrak

Kajian ini bertujuan meninjau permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih KPLI Mod LPBS dalam melaksanakan Program KPLI Mod LPBS di sekolah rendah. Aspek yang ditumpukan ialah (i) Kuliah / Masa (ii) Pengajaran dan pembelajaran (iii) Bebanan Tugas (iv) Jadual Waktu dan (v) Komponen Perancangan dan pelaksanaan (Menggunakan Borang PR1 dan PR2). Sampel yang dipilih seramai 12 orang yang terdiri daripada 4 orang guru pelatih, 4 orang guru pembimbing dan 4 orang pensyarah pembimbing. Rekabentuk kajian melibatkan pemerhatian, temubual dan analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan guru pelatih menghadapi pelbagai masalah semasa mereka berada di sekolah seperti dalam aspek pengetahuan dan kefahaman terhadap P & P yang masih lemah, masalah peruntukan waktu mengajar, kuliah semasa cuti tidak banyak membantu, bebanan tugas yang banyak dan dilemma antara mengikuti kehendak sekolah (PPD / JPN) dan keperluan IPG. Di samping itu bimbingan pensyarah pembimbing didapati tidak banyak membantu. Guru pembimbing pula berasa rendah diri kerana kelulusan akademik mereka lebih rendah daripada guru pelatih KPLI. Terdapat juga pentadbir sekolah yang berasa tercabar dengan kehadiran guru pelatih KPLI dan memandang negatif kepada mereka. Permasalahan ini dikusutkan lagi kerana pentadbir sekolah sendiri kurang jelas tentang status guru pelatih yang ditempatkan. Akhirnya beberapa cadangan untuk menambahbaikkan pelaksanaan Program KPLI Mod LPBS di sekolah rendah dinyatakan.

TINJAUAN KEFAHAMAN DAN APLIKASI GURU DALAM LATIHAN TERHADAP PRAKTIKUM J-QAF DALAM MATA PELAJARAN TILAWAH AL-QURAN

USTAZ RAFUAN BIN OTHMAN

Abstrak

Kursus Perguruan Lulusan Ijazah Sekolah Rendah Mod Latihan Berasaskan Sekolah j-QAF (KPLI – SR LPBS j-QAF) merupakan satu usaha memperkasakan Pendidikan Islam (PI) melalui penekanan khusus dalam pemulihan jawi, al-Quran , kemahiran berbahasa Arab dan amalan farhu Ain yang dilaksanakan di peringkat Sekolah Rendah. Pelaksanaan ini menggunakan Modul serta model yang tersendiri. Tenaga Guru yang terdiri dari Guru Dalam Latihan yang berkelulusan dari Universiti samada di dalam atau luar negara digunakan untuk pemulihan, bimbingan, kemahiran, pengukuhan, pengayaan dan penghayatan murid di sekolah. Guru dalam latihan ini mendapat latihan perguruan di Maktab- Maktab Perguruan di masa cuti persekolahan. Tujuan kajian dibuat adalah untuk mengkaji sejauh mana Guru Dalam Latihan yang menjalankan praktikum mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Bahagian Pendidikan Guru dan Jabatan Pendidikan Islam (JPIM). Disamping itu kajian ini juga ingin meninjau sejauh manakah kaedah Tilawah al-Quran diaplikasikan di dalam Pengajaran dan pembelajaran semasa Praktikum dijalankan. Sampel ini terdiri daripada 30 responden dari 10 buah sekolah rendah.

**ANALISIS KESILAPAN BAHASA MELAYU (EJAAN) DALAM KALANGAN
PELAJAR-PELAJAR PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN
INSTITUT PERGURUAN TUANKU BAINUN: SATU KAJIAN KES**

AHMAD RASOL BIN ARIFIN
MANIYAMIN BIN HAJI IBRAHIM
Jabatan Bahasa Melayu

Abstrak

Kajian ini dijalankan dengan tujuan memperoleh maklumat tentang analisis kesilapan Bahasa Melayu (Ejaan) dalam kalangan pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan, Institut Perguruan Tuanku Bainun, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Subjek kajian terdiri daripada 100 orang pelajar telah dipilih sebagai sampel kajian. Mereka terdiri daripada pelajar-pelajar Program Ijazah Sarjana Pendidikan yang berumur di antara 18 hingga 19 tahun. Pengkaji melakukan analisis kesilapan ejaan bahasa Melayu terhadap soal selidik yang dijawab oleh sampel. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar banyak melakukan kesalahan ejaan jenis kata ganti singkat, kata sendi nama, kata majmuk, kata pinjaman, kata terbitan, kata gandaan dan kata partikel. Antara cadangan yang boleh dilakukan ialah mewujudkan pengajaran tatabahasa bahasa Melayu secara terancang. Pensyarah hendaklah memperkenalkan modul-modul pengajaran tatabahasa terkini yang perlu diperkenalkan kepada para pelajar. Pengkaji berharap agar cadangan-cadangan yang dikemukakan dapat dipraktikkan oleh pensyarah untuk mengurangkan kelemahan dalam aspek ejaan. Cadangan itu sedikit sebanyak dapat menjadi panduan kepada para pensyarah untuk menyampaikan pengajarannya dengan lebih baik dan berkesan.

REKA BENTUK, PEMBANGUNAN, DAN PENILAIAN PAKEJ DIGITAL “SPEED-READING”

CHIN FUAN HONG

Jabatan Bahasa

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mereka bentuk, membangunkan dan menilai satu pakej pembelajaran sendiri tentang kemahiran membaca pantas berdasarkan satu model reka bentuk dan penilaian softwer yang terkenal. Keberkesanan program dan kemantapannya serta aspek-aspek kualiti lain adalah ditentukan secara statistik dan juga berdasarkan penilaian kualitatif daripada pakar-pakar mata pelajaran, pakar-pakar teknikal dan pengguna-pengguna. Keberkesanan softwer adalah berdasarkan penilaian statistik dengan membandingkan skor min antara pra-ujian dan pos-ujian dalam kadar membaca yang diukur berdasarkan bilangan perkataan dalam seminit (wpm). Dengan menggunakan ujian-t sampel berpasangan, didapati bahawa terdapat impak yang berkesan daripada rawatan berkenaan. Terdapat perbezaan yang signifikan antara pra-ujian dengan pos-ujian ($t_{35}=19.28$, $p<.05$). Pertambahan min individu secara peratus ialah sebanyak 40.5%. Ini membawa implikasi bahawa pelbagai latihan dalam pakej berkenaan seperti membaca melalui kumpulan kata atau frasa, membaca terus ke bawah lajur dengan bidang visual yang bertambah luas, penambahan laju membaca, “skimming”, dan sebagainya adalah berkesan.

Kajian korelasi menunjukkan bahawa terdapat saling bertindak antara pelbagai strategi membaca secara pantas itu untuk menghasilkan perbezaan kadar membaca. Salah satu implikasi yang mustahak ialah demi menghasilkan pakej pembelajaran yang amat merangsangkan dan memikat dari segi pengalaman pembelajaran, aplikasi interaktiviti yang bijak amat penting. Banyak elemen konstruktivis dapat dimasukkan ke dalam satu pakej pembelajaran seperti ini jika dalam proses reka bentuk dan pembangunan program itu elemen-elemen perpektif pembelajaran itu menjadi pertimbangan dan rujukan utama. Dicadangkan bahawa demi menghasilkan pakej pembelajaran digital yang merangsangkan pembelajaran, pelbagai aktiviti berdasarkan perspektif konstruktivis boleh direka, seperti aktiviti yang menjurus ke arah penyelesaian masalah, pembelajaran berarah sendiri, dan penilaian sendiri.

CONTENT ELABORATION IN WRITING AMONG ESL LEARNERS: EFFECTS OF INSERTED QUESTION-TYPE AND QUESTION-POSITION

**ZURAITI BT ZABARUDIN &
SITI ROHANI**
Jabatan Bahasa

Abstrak

This study examines the effects of inserted question-type (general vs. specific) and question-position (pre-writing vs. post-writing) on measures of content elaboration in writing. 45 Semester 1 PISMK students of Institut Perguruan Tuanku Bainun were randomly assigned to one of the four groups: pre-writing/specific, pre-writing/general, post-writing/specific, post-writing/general. They were to write an essay using questions as prompts. Using the Meyer's Hierarchy Approach (1975), essay scripts were analysed for the level of content elaboration: top level, mid-level, and base-level ideas. Results of a series of 2x2 repeated measures of ANOVA indicated significant main effect was found for question position, specifically, post-writing. The average number of mid-level ideas was higher in groups that received post-writing questions than those that received pre-writing questions. Results indicate questions given after writing can facilitate elaboration of content in writing.

EPISTEMOLOGICAL BELIEFS AND ITS ROLE IN MALAYSIAN CLASSROOMS.

FAIZA MOHAMMED ASARI

SMK Permai Indah

Pulau Pinang

(izan287@gmail.com)

Abstract

An individual's mind and thinking are shaped by culture and society and this has been vouched by numerous researches. Studies have also found that how students perceive the world around them affects the way they learn. The term 'epistemological belief' is used by educators to refer students' belief on how easy or difficult learning something is. An epistemological belief is a belief system concerning the nature of knowledge and its process of acquisition. A belief system held consciously or unconsciously, is critical to the learning process as cognitive behaviors occur within it and are molded by it.

The Malaysian school system has a practice to divide students into two main streams after they sat a public examination at the age of 15: pure science stream which offers pure science subjects such as chemistry, biology and physics; and the non-science stream where the students studied general science together with other humanities subjects. The science stream students are the high achievers and they are channeled into the science classes for the sole purpose of excellence in science and mathematics.

Differences in grades in the annual national examinations are normal indicators of achievement for students in this stream. However, no attention has been given to the development or growth of soft skills and epistemological beliefs. This is deemed critical as these skills are essential to function in the real world. This study, therefore, aims to discover students' epistemological beliefs based on their academic achievement and further investigate whether the epistemological beliefs differ by types of curriculum the students enroll in.

INOVASI: “INSTANT SERVER ONCD” UNTUK PENGGUNA BIASA

NIK IBRAHIM BIN NIK MAT
Jabatan Teknologi Pendidikan
Institut Perguruan Tuanku Bainun

Abstrak

Paradigma lama menganggap bahawa server hanya boleh dibangunkan oleh syarikat besar yang mempunyai kepakaran tinggi dan sukar dilakukan. Kajian ini ingin mencadangkan satu penyelesaian lain di mana proses membangunkan server boleh dilakukan secara segera tanpa instalasi atau dengan instalasi mudah. Kajian ini merupakan satu pembuktian konsep di mana ianya boleh dilakukan. Diharap projek ini akan memberi manfaat kepada warga sekolah yang biasanya tidak mempunyai kepakaran untuk membangunkan server dan seterusnya menguruskannya. Kelebihan Server ini ialah ia boleh dijalankan terus daripada CDROM (OnCD). CDROM mempunyai kelebihan kerana murah, tahan, mudah untuk dibawa dan mudah untuk diperbanyakkan. Dengan itu, Instant Server OnCD ini berpotensi menjadi media pilihan untuk mengedarkan kandungan seperti aplikasi, laman web interaktif, bahan multimedia dan sumber berbentuk digital.

PENDEKATAN INKUIRI TERBIMBING DI DALAM PERSEKITARAN PEMBELAJARAN BERASASKAN LAMAN WEB

DR. SAJAP MASWAN
Jabatan Teknologi Pendidikan
Institut Perguruan Tuanku Bainun

ABSTRAK

Pada masa ini pembelajaran berasaskan Web dianggap oleh sebahagian pendidik sebagai satu cara pembelajaran terkini yang sepatutnya diberikan kepada pelajar-pelajar terutama di peringkat pengajian tinggi. Walau bagaimanapun samada ianya dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih berkesan dan lebih bermakna kepada pelajar masih menjadi tanda tanya. Sebahagian besar modul-modul dan laman web pendidikan yang ada pada masa ini adalah menggunakan pendekatan tutorial yang berbentuk liner dan informatif. Umumnya, pembelajaran dalam persekitaran bahan berasaskan tutorial dimulakan dengan penerangan tentang objektif yang hendak dicapai, tutorial langkah demi langkah, dan diikuti dengan latihan serta peneguhan. Pendekatan tutorial dikatakan lebih berfokuskan kepada proses pemaparan dan pemindahan maklumat serta proses mendapatkan kembali maklumat berkenaan. Pembelajaran seperti ini kurang melibatkan aktiviti pemikiran tahap tinggi, kerana pelajar lebih banyak bertindak sebagai penerima maklumat yang pasif dimana segala maklumat telah disediakan dan diberikan oleh pensyarah. Kertas kerja ini akan cuba mencadangkan aplikasi pendekatan inkuiri terbimbing sebagai inovasi atau alternatif kepada pendekatan tutorial dalam membangunkan persekitaran pembelajaran berasaskan web. Bagi tujuan tersebut, satu contoh pembelajaran berasaskan web yang telah dibangunkan penulis akan digunakan, dengan merujuk kepada model Collin & Stevens (1999) serta model Kitar Pembelajaran Lawson (1995). Berbanding pendekatan tutorial yang lebih berbentuk deduktif, pendekatan inkuiri terbimbing adalah lebih bersifat induktif. Pendekatan inkuiri terbimbing dikatakan berupaya membantu dalam pemindahan maklumat secara aktif dengan menyediakan suasana pembelajaran yang dapat mempertingkatkan kemahiran berfikir tahap tinggi.

LESSON STUDY : AN INNOVATIVE APPROACH TO TEACHER PROFESSIONAL DEVELOPMENT

CHIEW CHIN MON
Jabatan Matematik

Abstrak

Recent concept of teacher professional learning proposes teachers to take initiative and be responsible for their own professional development. This paper aims to introduce lesson study as an innovative model of teacher professional development. The two key features of lesson study are: (a) teacher collaboration and peer observation of classroom teaching that enhances pedagogical content knowledge and skills via peer's discussion, review and comments, and (b) self reflection which offers a process for improving teachers' own teaching strategies. However, some constraints were noted to introduce lesson study process in the Malaysian school context.

SATU TINJAUAN KEFAHAMAN KONSEP FIZIK PELAJAR PISMP (SAINS)

MOHAMAD FAKHRUDDIN BIN ABDULLAH

Jabatan Sains

Institute Perguruan Tuanku Bainun

Abstrak

Subjek sains dianggap yang sukar dan abstrak dan dikatakan pelajar yang mempunyai kebolehan tertentu sahaja mampu belajar. Oleh itu kajian ini dilakukan untuk meninjau dan mengenal pasti kefahaman pelajar tentang konsep fizik. Seramai 50 pelajar PISMP (Deakin) semester 2 /2006 telah dipilih untuk menyertai kajian ini. Kajian ini penting bagi pelajar yang ingin meningkatkan atau menyambung pelajaran dalam bidang fizik. Kajian ini juga boleh membantu para guru menyediakan pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian ini juga boleh membantu para pereka bahan alat bantu mengajar seperti interaktif multimedia (IMM) dan arahan computer (CBI)

ARITMETIK MENTAL DAN PEMBELAJARAN MATEMATIK: ADAKAH ABAKUS SESUAI DAN BERDAYA MAJU (*VIABLE*)?

KIM TENG SIANG

Jabatan R & D

Abstrak

*Kertas kerja ini akan membentangkan peranan abakus (sempoa) dalam aritmetik mental dan seterusnya dalam pembelajaran matematik berdasarkan beberapa teori kognitif dan teori pembelajaran matematik yang sedia ada dan terkini serta dapatan kajian-kajian yang dilakukan khususnya dalam keadaan tempatan. Perhubungan antara abakus dan aritmetik mental akan dihuraikan secara perinci berdasarkan teori-teori seperti Teori Abakus, Teori Beban Kognitif, Teori Matematik Benar (*Real Mathematics Theory*), Teori Imaginasi Mental dan Teori Dwiengekodan. Seterusnya kesesuaian dan daya maju abakus dalam pembelajaran matematik khususnya untuk pelajar sekolah rendah akan diperjelaskan berdasar teori-teori tersebut serta dapatan-dapatan kajian yang berkaitan.*

TINJAUAN KEFAHAMAN WARNA PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL PELAJAR-PELAJAR TINGKATAN DUA

KASRAN BIN HAJI MAT JIDDIN

Jabatan Pendidikan Seni Visual
Article II.

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk meninjau tahap kefahaman warna di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah Tingkatan 2 dalam pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Sampel terdiri daripada 55 orang pelajar di sebuah sekolah menengah harian di Pulau Pinang. Strategi persampelan yang digunakan ialah rawak mudah. Soal selidik dan borang analisis dokumen digunakan sebagai instrumen kajian. Kaedah statistik deskriptif telah digunakan dan hanya melibatkan peratusan dan jumlah min. Data yang dikutip melalui borang analisis disusun mengikut data soal selidik. Dapatan menunjukkan pelajar-pelajar Tingkatan 2 di sekolah menengah yang dikaji memberikan respons positif tentang pembelajaran warna cat air. Kajian juga mendapati pelajar berpengetahuan dan memahami konsep warna dalam pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Pengetahuan dan kefahaman pelajar dikenal pasti berpunca daripada faktor guru, bahan-bahan rujukan sedia ada dan hasil koleksi kerja mewarna terdahulu. Kajian mendapati pelajar berada dalam lingkungan sederhana dalam aktiviti mewarna. Faktor sikap pelajar itu sendiri adalah penyebab kepada kurang mahir semasa pelajar mewarna. Faktor guru tidak opsyen dan kemudahan bilik seni juga mempengaruhi asas kemahiran mewarna pelajar. Kesimpulan kajian ini mendapati bahawa pelajar berpengetahuan tentang warna tetapi kurang mahir mewarna.

**PERSEPSI GURU-GURU PENDIDIKAN ALAM SEKITAR (PAS) SEKOLAH
RENDAH TERHADAP PERMASALAHAN DAN KEKANGAN YANG
DIHADAPI DALAM MENERAPKAN MATA PELAJARAN PAS MERENTASI
KURIKULUM**

NAGAMAH A/P MARIMUTHU

Jabatan Kajian Social

Section 2.01

Section 2.02 Abstrak

Section 2.03 Kajian ini bertujuan menyingkap aspek kekurangan pengetahuan dan kemahiran di kalangan guru sekolah serta persepsi guru terhadap permasalahan dan kekangan yang dihadapi dalam menerapkan Pendidikan Alam Sekitar (PAS) Merentas Kurikulum. Dengan ini diharapkan boleh memberi gambaran yang lebih tepat kepada guru dan pihak-pihak yang berkaitan untuk menunjukkan keseriusan dalam bertindak mengatasi kepincangan yang terdapat dalam penerapan subjek ini sebagai merentas kurikulum. Kajian ini dijalankan dengan mengambil sampel daripada guru-guru sekolah rendah. Hasil kajian menjelaskan tahap pengetahuan dan kemahiran di kalangan guru-guru masih di tahap sederhana. Beberapa faktor dikenalpasti sebagai masalah utama pelaksanaan penerapan PAS. Antaranya adalah kurang latihan dan pendedahan, guru kabur dengan konsep PAS dan sukar mencari ruang dalam p&p. Sehubungan dengan ini beberapa cadangan diutarakan bagi meningkatkan tahap pengetahuan, kemahiran di kalangan guru-guru serta sebagai harapan dan masa depan bagi mata pelajaran Pendidikan Alam Sekitar.

**PUSAT SIBER KAFE:
SEJAUH MANA GOLONGAN PELAJAR MEMANFAATKANNYA UNTUK
TUJUAN PEMBELAJARAN**

DR. SAJAP MASWAN
Jabatan Teknologi Pendidikan
sajap@iptb.edu.my

ABSTRAK

Wujudnya pusat-pusat siber kafe adalah seiring dengan perkembangan teknologi Internet yang semakin berkembang pesat pada masa ini. Teknologi internet telah memberikan sumbangan yang besar di dalam membangunkan ekonomi dan tahap hidup masyarakat di negara maju dan negara-negara membangun. Namun demikian kini ramai ibu bapa mula menyatakan kebimbangan kerana anak-anak mereka terutama golongan pelajar semakin kurang menjaga waktu, dan asyik melayari internet atau bermain games di pusat-pusat siber kafe. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji sejauh manakah golongan pelajar menghabiskan masa mereka di pusat siber kafe. Seterusnya kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti aktiviti yang dilakukan oleh para pelajar di pusat siber kafe, serta melihat apakah punca-punca yang menyebabkan mereka sering berada di pusat-pusat tersebut. Kajian berbentuk kualitatif ini telah dijalankan di empat pusat siber kafe di kawasan bandar di negeri Pulau Pinang menggunakan reka bentuk kajian Etnografi Kajian Kes (Ethnographic Case Study) seperti yang dicadangkan oleh Van Maanaen (1988). Dalam kajian ini pengkaji telah cuba tinggal bersama-sama kumpulan yang dikaji dan menjadi sebahagian daripada kumpulan mereka. Pengkaji telah membuat pemerhatian, menemubual, mendengar serta mencatat segala peristiwa dan pengalaman sepanjang bersama-sama kumpulan yang dikaji. Data berbentuk dokumen juga telah digunakan dalam kajian ini. Data yang dikumpul telah dianalisis menggunakan statistik diskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa golongan pelajar adalah kumpulan yang paling ramai mengunjungi pusat-pusat siber kafe di kawasan bandar di negeri Pulau Pinang berbanding dengan kumpulan lain. Sebahagian besar golongan pelajar telah banyak menghabiskan masa di siber kafe untuk tujuan hiburan semata-mata berbanding dengan tujuan pembelajaran. Faktor mencari keseronokan bersama-sama rakan-rakan sebaya adalah merupakan tarikan utama golongan pelajar mengunjungi pusat-pusat siber kafe berbanding faktor-faktor lain.

**PORTABLE WINIK : BELAJAR SISTEM TERBUKA DAN SISTEM OPERASI *NIX
MENGUNAKAN PLATFOM WINDOWS DI MANA-MANA SAHAJA.**

Oleh

NIK IBRAHIM BIN NIK MAT

Jabatan Teknologi Maklumat

ABSTRAK

*Sistem terbuka telah diterima sebagai alternatif untuk penggunaan perisian pengguna dan penerimaannya merupakan satu agenda kerajaan. Linux merupakan sistem operasi paling popular bagi sistem terbuka tetapi dianggap sebagai lebih sukar untuk digunakan. Portable Winik boleh dimasukkan ke dalam pemacu mudah alih menggunakan cakera keras biasa atau thumbdrive berasaskan USB untuk dibawa oleh pengguna dan dijalankan pada mana-mana komputer berasaskan Windows dengan mudah tanpa instalasi. Portable Winik dicadangkan sebagai sistem alternatif yang boleh digunakan untuk merendahkan lengkung pembelajaran sistem terbuka. Portable Winik bukan hanya sebagai aplikasi windows biasa tetapi ia mampu memberi pengalaman menggunakan *nix untuk pengguna baru. Pengalaman ini seterusnya akan membuka dunia sistem terbuka kepada pengguna baru.*

**VIRUS HUNTER : KAJIAN MASALAH JANGKITAN VIRUS DI KALANGAN
NOTEBOOK KOMPUTER PENSYARAH DAN CARA ALTERNATIF UNTUK
MENGHAPUSKAN VIRUS.**

TEH TIAM KIAN
Jabatan R & D.

ABSTRAK

Virus Hunter adalah satu kajian masalah jangkitan virus digital di kalangan notebook pensyarah di Institut Perguruan Tuanku Bainun. Kajian ini bermula dengan mendapatkan pengertian istilah virus daripada pelbagai sumber serta sifat-sifat virus. Virus komputer adalah virus elektronik, ia bukan virus yang boleh menjangkiti benda hidup. Virus di sini juga membawa masuk Worm, Trojan Horse, Malware, Adware dan sebarang kod-kod digital yang boleh merosakkan atau melambatkan komputer. Metodologi kajian ini adalah purposive sampling. Dalam kajian ini penkaji telah mendapatkan 3 buah notebook dan 10 pendrive pensyarah yang telah menghadapi masalah jangkitan virus dan diimbis dengan program anti virus untuk mengetahui jenis virus yang menjangkiti notebook-notebook pensyarah, kemudian menghapuskan virus-virus tersebut. Kajian juga mengkaji cara-cara alternatif untuk mengesan kehadiran virus dan cara-cara menghapuskannya selain daripada menggunakan program anti virus. Hasil dapatan kajian terdapat 17 jenis virus mengganggu komputer pensyarah-pensyarah, sebanyak 1365 count virus telah dikesan. Kajian ini juga bertujuan memberi kesedaran kepada para pensyarah tentang kehadiran virus di dalam komputer mereka. Mereka dikehendaki mengambil tindakan awal sebelum data-data mereka hilang atau cakera padat di rosakkan oleh virus. Dalam kajian ini penkaji mencadangkan teknik-teknik manual mengesan dan menghapuskan virus. Dicadangkan bahawa pihak pengurusan memandang serius jangkitan virus ini dan membekalkan program anti virus secara percuma kepada semua pensyarah.

**KOMUNIKASI INTERPERSONAL GURU
CIRI-CIRI GURU YANG DISUKAI OLEH PELAJAR SEKOLAH.**

MOHD KHALIL BIN MOHD YUSOFF
Jabatan HEP.

Abstrak

Artikel ini membincangkan topik berkaitan kemahiran komunikasi interpersonal guru. Fokus utama artikel menyentuh ciri-ciri guru yang disukai dan tidak disukai oleh pelajar sekolah. Guru perlu memastikan dirinya memiliki, memahami dan menguasai kemahiran komunikasi interpersonal. Dalam interaksi guru-murid, kemahiran interpersonal guru amat penting dalam menentukan keberkesanan P&P. Beberapa kemahiran yang perlu dimiliki oleh guru dibincangkan seperti kemahiran komunikasi, kemahiran mendengar, kemahiran bertanya, kemahiran memberi maklum balas, memiliki unsur humor dan penampilan diri guru. Artikel juga membincangkan ciri-ciri personaliti guru yang disukai dan tidak disukai oleh pelajar. Seterusnya dinyatakan juga tentang beberapa keperluan untuk menjadi guru masa kini.

**‘ YES ANAKKU ’ – MENGURANGKAN MASALAH MURID-MURID
DATANG LEWAT KE PROGRAM ‘ MORNING GLORY ’**

EKHLASS BIN IBRAHIM

e-mail : ekhlas_ibrahim@gmail.com

ABSTRAK

Bahasa Inggeris adalah merupakan satu mata pelajaran yang dianggap sukar oleh murid-murid terutama di kawasan luar bandar. Ramai yang beranggapan bahawa mata pelajaran ini amat sukar untuk dipelajari. Mereka terlalu takut dan tidak mahu mencuba untuk mempelajari mata pelajaran tersebut. Jadi, ramai yang mengambil jalan mudah, mengabaikan mata pelajaran bahasa Inggeris. Akibatnya, ramai yang gagal menguasai bahasa Inggeris disebabkan terlalu fobia dan malu untuk bertutur dalam bahasa Inggeris kerana takut tersalah sebutan dan diejek oleh rakan-rakan sebaya. Tinjauan awal telah dijalankan dengan menganalisis keputusan bahasa Inggeris Ujian Bulanan, Peperiksaan Pertengahan Tahun 2006 dan Peperiksaan Akhir Tahun 2006. Didapati ramai murid yang mendapat gred E dalam mata pelajaran bahasa Inggeris. Begitu juga dengan analisis Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) bagi tahun 2001 hingga 2006. Tahun 2001 (34.20 %), 2002 (43.90 %), 2003 (60.30 %), 2004 (60.25 %), 2005 (60.80 %) dan 2006 (60.80 %) manakala pelunjuran bagi tahun 2007 adalah 65.80 %. Penguasaan bahasa Inggeris yang terlalu lemah menyebabkan pencapaian prestasi murid-murid lemah. Murid-murid gagal menjawab soalan yang dikemukakan malah ada yang membiarkan kertas soalan kosong tidak dijawab terutama kertas subjektif. Aktiviti-aktiviti intervensi yang dijalankan adalah Warisku Prihatin, Susu Untuk Anakku, Pagi Masih Segar, Sabarlah Anakku, Selamat Datang Warisku dan Anakku Cemerlang. Warisku Prihatin adalah merupakan surat makluman kepada waris tentang program ‘Morning Glory’ yang dijalankan oleh pihak sekolah. Bagi murid-murid yang dapat RMT, makanan mereka dibungkus dan makan pada waktu rehat iaitu aktiviti Susu Untuk Anakku. Murid-murid yang selalu datang lewat, mereka akan didenda dalam bentuk mendidik dalam Pagi Masih Segar. Murid yang tegar datang lewat, akan dimasukkan dalam aktiviti Sabarlah Anakku. Para waris juga akan dimaklumkan tentang perkembangan prestasi anak-anak mereka melalui program Selamat Datang Warisku. Hadiah akan diberikan kepada murid-murid yang tidak pernah ponteng dan tidak pernah lewat menghadiri program

'Morning Glory'. Hadiah akan diberikan semasa majlis Anugerah Kecemerlangan sekolah. Aktiviti ini dinamakan Anakku Cemerlang. Keputusan sebelum perbandingan aktiviti dijalankan dengan selepas aktiviti dijalankan amat memberangsangkan. Bilangan dan kekerapan murid yang datang lewat ke program ini berkurangan. Para waris lebih prihatin terhadap pencapaian anak-anak dan keputusan murid yang mendapat gred E dalam bahasa Inggeris berkurangan. Sikap murid-murid terhadap mata pelajaran bahasa Inggeris juga telah berubah.

MORE OR LESS IN VOCABULARY AND PRONOUNCIATION DALAM TEKNIK MENJAWAB SOALAN PENYELESAIAN MASALAH

HANA BINTI ABAS

e-mel : skselama@ppdkbb.net

ABSTRAK

Mata pelajaran Matematik sentiasa mengalami anjakan paradigma apabila unsur-unsur baru dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran bagi memenuhi kehendak dan cabaran murid di masa hadapan. Tambahan pula pada tahun 2003, Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan sistem pembelajaran menggunakan bahasa Inggeris selaku bahasa pengantar bagi mata pelajaran Matematik dan Sains (PPSMI), telah mewujudkan satu jurang yang cukup besar di kalangan murid Bandar dan luar Bandar dalam mencapai aspirasi negara iaitu mahir menggunakan bahasa Inggeris. Kesan daripada perlaksanaan sistem pembelajaran menggunakan bahasa Inggeris tersebut, telah mendorong kepada satu masalah yang besar di mana murid tidak dapat menguasai bahasa tersebut dengan baik dan secara tidak langsung menambah beban pada bahu guru di mana perlu mengambil masa yang begitu panjang untuk menjelaskan sesuatu maksud perkataan dengan jelas sehingga menjejaskan isi kandungan sukatan pelajaran. Oleh yang demikian, saya selaku guru Matematik terpaksa mengadakan beberapa aktiviti pengajaran dan pembelajaran baru bagi mengukuhkan lagi kefahaman dan minat murid terutamanya perbendaharaan kata bagi soalan penyelesaian masalah. Kumpulan sasaran yang saya pilih seramai 20 orang murid merangkumi pencapaian murid yang baik, sederhana dan lemah. Sebelum aktiviti yang saya jalankan cuma 7 dan 11 orang murid sahaja yang lulus pada ujian bulanan pertama dan kedua. Setelah kajian tinjauan masalah dan aktiviti yang saya jalankan, alhamdulillah pencapaian murid telah meningkat seramai 14 orang, melalui analisis peperiksaan pertengahan tahun 2007. Ini bermakna kepelbagaian kaedah mengajar dan penglibatan semua guru dan para waris mampu untuk mengatasi masalah ini. Walaupun pada mulanya saya agak berputus asa namun berkat sikap dan minat murid yang afektif telah meningkatkan motivasi saya dalam terus mencurahkan ilmu dan bakti.

CEMERLANG SEJARAH DENGAN PETA MINDA

HASNAH BINTI MUSA

ABSTRAK

Kemahiran mengingat merupakan masalah yang sememangnya dihadapi oleh murid-murid saya. Mereka menganggapnya sebagai satu kemahiran yang sukar dikuasai. Selalunya mereka tidak dapat menjawab soalan melibatkan kemahiran mengingat pada Kertas 2 Sejarah SPM dan sekadar meneka jawapan pada Kertas 1. Saya memfokuskan kajian ini kepada kemahiran mengingat dan memilih 18 orang murid 5B sebagai kumpulan sasaran. Tinjauan awal telah dilakukan dengan menggunakan kaedah kutip data, temubual dengan pelajar dan penilaian P&P. Perasaan negatif yang ketara ialah perasaan bosan kerana tidak ingat apa yang dibaca. Keputusan Peperiksaan Pertengahan Penggal Satu pula menunjukkan cuma 20% murid dapat menjawab soalan berbentuk struktur dengan betul dan peratus ini merupakan peratus terendah. Aktiviti-aktiviti intervensi yang dijalankan adalah U-kaji Peta Minda dan P&P Pe-Minda. Kaedah U-kaji Peta Minda menyakinkan murid tentang wujudnya kaedah lebih mudah dan berkesan untuk mengingat fakta sejarah yang dipelajari dan kaedah P&P Pe-Minda pula membantu guru mempelbagaikan teknik P&P. Perbandingan keputusan sebelum aktiviti dijalankan dengan selepas aktiviti dijalankan amat memberangsangkan. Bilangan murid yang telah menguasai Kemahiran mengingat dalam fokus kajian pada Ujian Pasca telah meningkat kepada 94.6%. Ini bermakna tindakan inovatif yang diambil dalam kajian tindakan ini adalah tepat dan berkesan. Walaupun pelbagai halangan dihadapi sepanjang melaksanakan kajian ini, saya berasa cukup berpuas hati apabila melihat murid yang paling malas dalam kelas ini turut melibatkan diri dan menyatakan 'seronok' belajar dengan Peta Minda.

KEBERKESANAN GEMBEL DAN BERAPA BERATNYA DALAM PENYELESAIAN MASALAH MATEMATIK UPSR KERTAS 2.

LATIFAH BINTI AWANG

E- emel : zulaty07@yahoo.com.my

ABSTRAK

Matematik selalunya dianggap susah oleh murid-murid saya. Mereka sudah merasai kesusahan dan ketakutan apabila seringkali gagal dalam menjawab soalan matematik dalam semua ujian atau peperiksaan. Kajian ini dilakukan adalah untuk membantu murid dalam menyelesaikan masalah terutama dalam penukaran unit timbang berat. Selalunya mereka tidak cuba untuk menjawab soalan panjang yang melibatkan penyelesaian masalah yang memberikan tiga markah berbanding dengan soalan yang lebih pendek, mudah difahami dan jelas maksudnya. Saya memfokuskan kajian ini kepada kemahiran menukar unit kilogram kepada gram dan sebaliknya. Kemahiran asas ini dapat membantu murid dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi. 16 orang murid yang pencapaian mereka amat sederhana telah dipilih sebagai kumpulan sasaran. Aspek yang dikaji termasuklah kebolehan murid dan kesediaan guru melalui penggunaan borang kaji selidik emosi dan Ujian Diagnostik. Perasaan negatif yang ketara ialah perasan mudah mengalah dan tidak mahu mencuba. Mereka lebih senang menunggu jawapan dari kawan atau guru. Keputusan Ujian Akhir Tahun 5 pula menunjukkan cuma lima orang sahaja dapat menjawab soalan penukaran unit dengan betul. Pencapaian ini tidaklah memuaskan hati saya. Aktiviti-aktiviti intervensi yang dijalankan adalah penggunaan alat penimbang yang berbagai jenis ukurannya, latihan berbentuk penukaran unit dalam aktiviti yang disediakan dapat meyakinkan murid tentang wujudnya kaedah pembelajaran yang mudah untuk memahami proses penukaran unit. Perbandingan keputusan sebelum aktiviti dijalankan dengan selepas aktiviti dijalankan amat memberangsangkan. Peratusan pencapaian telah meningkat dari 56.25% kepada 81.25%, manakala perasaan takut juga telah dapat dikurangkan dalam diri murid. Mereka sudah memberanikan diri mengambil bahagian dalam aktiviti yang dijalankan. Walaupun pelbagai halangan dihadapi sepanjang melaksanakan kajian ini, saya berpuas hati apabila melihat pencapaian dan perubahan tingkahlaku mereka seterusnya.

MAHIR MEMBACA DENGAN e-PINTAS 2M

ROSMANI BT HJ MAHMUD

E-mel : rsmnmahmud@yahoo.com

ABSTRAK

Kemahiran membaca dengan ayat yang mudah dan pantas telah menjadi satu masalah kepada murid-murid saya terutamanya murid-murid Tingkatan 1 Ceria. Mereka menganggapnya sebagai satu kemahiran dalam bahasa Melayu yang sukar untuk dikuasai. Selalunya mereka tidak akan menjawab soalan yang melibatkan Kertas 1 dan sekadar meneka jawapan pada Kertas 2. Saya memfokuskan kajian ini kepada kemahiran membaca, dan memilih 5 orang murid-murid Tingkatan 1 Ceria sebagai kumpulan sasaran. Tinjauan awal telah dilakukan berlandaskan Ujian 1 dan kajian melalui temu bual, pemerhatian, serta tindak balas dari guru tingkatan dan guru mata pelajaran Bahasa Melayu. Sikap negatif yang ketara dalam kalangan murid-murid ini ialah sikap suka bermain-main, malas mengeja serta tidak suka membaca. Keputusan Ujian Pertengahan Tahun pula telah menunjukkan cuma 20% murid dapat menjawab soalan berbentuk fokus kajian dengan betul dan peratus ini merupakan peratus terendah berbanding bentuk-bentuk soalan lain. Aktiviti-aktiviti intervensi yang dijalankan adalah Penggunaan Modul Intervensi 2M, U-fom dan e-PINTAS 2M. e-PINTAS 2M merupakan aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh murid-murid, mengakses sendiri komputer secara sendiri dan berkumpul 2 orang. Paparan yang dipamerkan di komputer pula dalam bentuk e-elektronik dan mengandungi banyak gambar yang berwarna-warni serta sesuai untuk menarik minat murid –murid membaca. Perbandingan keputusan sebelum dan selepas aktiviti-aktiviti dijalankan amat memberangsangkan. Bilangan murid yang telah menguasai soalan berbentuk fokus kajian pada Ujian e-PINTAS 2M telah meningkat kepada 60%. Hal ini bermakna tindakan inovatif yang diambil dalam kajian tindakan ini adalah tepat dan berkesan. Walaupun pelbagai halangan dan rintangan terpaksa dihadapi sepanjang melaksanakan kajian ini, saya berasa puas hati dan gembira apabila melihat murid yang paling malas dalam kelas ini turut melibatkan diri dan menyatakan seronok belajar membaca gunakan kaedah ini.

SKOR PHYSICS SPM MELALUI PHYSICS & CO

SANIAH BINTI CHE OMAR

mjsco96@yahoo.com

ABSTRAK

Murid-murid saya menghadapi masalah untuk skor dengan baik semasa menjawab soalan Bahagian B dan Bahagian C Kertas 2 SPM di dalam Bahasa Inggeris. Kajian ini memfokuskan kepada pelaksanaan program Physics & Co. kepada 29 orang pelajar Tingkatan 5 selama 5 minggu. Aktiviti-aktiviti intervensi yang dijalankan adalah Let's Cooperate, Let's Collaborate, Physics & Co. 1, Physics & Co. 2 dan Ujian Pasca. Semua aktiviti dijalankan semasa Kelas Tambahan. Dapatan dari kajian menunjukkan bilangan murid yang telah menguasai soalan berbentuk fokus kajian pada Ujian Pasca telah meningkat. Murid juga menunjukkan peningkatan keyakinan diri dan kemahiran menulis di dalam Bahasa Inggeris juga semakin baik. Saya berasa cukup berpuas hati apabila pelajar menunjukkan peningkatan prestasi sebanyak 31% berbanding pencapaian sebelumnya dan murid juga semakin yakin semasa menjawab dan semakin mahir menggunakan teknik menjawab yang didedahkan.

TWO KAY B

(Kuasai Kemahiran Bahagian B Sains)

SITI ZARINA BT ZAHARI

E-mel: sitizarinazahari@yahoo.com

ABSTRAK

Murid-murid Galus menganggap Kemahiran Proses Sains sebagai satu kemahiran proses sains yang sukar dikuasai. Lazimnya, murid-murid Galus ini sekadar meneka jawapan ataupun tidak menjawab soalan yang melibatkan kemahiran proses sains bagi soalan Bahagian B. Saya memfokuskan kajian ini kepada memerhati, mengawal pemboleh ubah, menginferens dan mentafsir data melalui aktiviti membaca, mencari makna istilah sains, membina peta minda, melakukan latih tubi menjawab soalan dan permainan teka silang kata sains. Seramai 10 orang murid dari Kelas Lima Mujahid menjadi kumpulan sasaran kajian ini. Melalui tinjauan awal dengan membuat pemerhatian, menggunakan borang kaji selidik dan menjalankan temu bual didapati murid-murid kurang berminat terhadap pengajaran dan pembelajaran (p&p) sains. Saya dapat merumuskan bahawa p&p tidak berjaya dan perlu menggunakan teknik p&p yang lebih berfokus untuk mengembalikan minat murid terhadap mata pelajaran sains. Keputusan Ujian Bulan April menunjukkan cuma 50% murid dapat menjawab soalan kemahiran proses sains (mengawal pemboleh ubah) sahaja. Murid-murid Galus masih tidak dapat menguasai kemahiran proses sains seperti memerhati, menginferens dan mentafsir data. Aktiviti-aktiviti intervensi yang dijalankan antaranya; membaca kad tugas dan mencari maksud istilah sains menggunakan kamus, membina peta minda, latih tubi menjawab soalan dan permainan teka silang kata sains. Kaedah yang diperkenalkan dapat meyakinkan murid-murid tentang pemahaman istilah sains yang terdapat dalam kad tugas yang diberikan. Aktiviti latih tubi menjawab soalan sains bertujuan memudahkan murid-murid mengingati kaedah menjawab Bahagian B yang paling mudah dan berkesan. Permainan teka silang kata berjaya mewujudkan kelas sains yang lebih menyeronokkan dan mencabar minda murid. Bilangan murid yang telah menguasai kemahiran menjawab soalan Bahagian B pada Ujian Pasca telah meningkat daripada 30% kepada 65%. Ini bermakna tindakan inovatif yang diambil dalam kajian tindakan ini adalah tepat dan berkesan.

“MBF Add” :
MEMANTAPKAN PENGUASAAN SIFIR TAMBAH DALAM KALANGAN MURID
TAHUN 3 DENGAN CARA JADUAL

SUZANA BT. HAMID
kejoratiga@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan penggunaan sifir tambah dengan cara jadual di kalangan murid-murid tahun tiga. Kaedah ini juga boleh dijadikan sebagai alternatif dalam Pengajaran dan Pengajaran Matematik. Aspek-aspek kajian merangkumi teknik pengajaran guru, keupayaan murid serta bagaimana murid mengaplikasikan kaedah ini dalam latihan, ujian serta peperiksaan untuk mata pelajaran Matematik. Seramai 19 orang daripada 30 orang murid tahun tiga dijadikan sampel dalam kajian ini. Mereka merupakan sebilangan murid yang gagal mencapai 10/25 dalam Ujian Fakta Asas melibatkan operasi tambah. Selain itu mereka juga merupakan murid yang bermasalah dalam mengingat dan menghafal sifir serta menyiapkan latihan kerja rumah. Pelbagai aktiviti diwujudkan untuk merangsang murid-murid menggunakan kaedah ini. Jadual MBF Add, Permainan Jigsaw Puzzle, Buku Twins MBF serta Program Anak Emas merupakan aktiviti-aktiviti intervensi yang dijalankan kepada mereka. Di akhir kajian, saya dapati kelemahan murid-murid ini dalam soalan pengiraan menggunakan operasi tambah dapat diatasi. Ini dapat dibuktikan dengan keputusan ujian dan peperiksaan pertengahan tahun yang menunjukkan peratus lulus untuk Matematik tahun 3 meningkat, iaitu 16 daripada 19 sampel kajian saya telah pun lulus dalam Ujian dan Peperiksaan Akhir tahun. Sebagai kelangsungan daripada aktiviti-aktiviti yang telah menjalankan program MBF Add untuk murid-murid ini, menggunakan kaedah jadual dan sampel kajian yang lebih besar.

**WRITING EXPRESS:
MENINGKATKAN KEMAHIRAN MURID MENJAWAB SOALAN
KERTAS I BAHASA INGGERIS 1119/1**

SHARIFAH RASHIDAH BT. SYED AHMAD

E-mel : Sharifahmd@hotmail.com

ABSTRAK

Kemahiran penulisan amat perlu untuk murid menjawab Kertas I Bahasa Inggeris 1119. Untuk menguasai kemahiran penulisan ini atau untuk menulis ayat-ayat yang betul, murid perlu mempunyai kemahiran kosa kata dan tatabahasa yang agak tinggi. Akan tetapi, penyelidik dapati bahawa murid-murid ini amat lemah di dalam penulisan. Mereka tidak memahami konsep asas tatabahasa Bahasa Inggeris. Penyelidik memfokuskan kajian kepada konsep past tense dan present tense, pembinaan kosa kata dan pembinaan ayat. Kumpulan sasaran terdiri daripada dua puluh orang murid Tingkatan 4A3. Penyelidik telah meninjau masalah-masalah dengan menganalisis respons murid kepada soalan-soalan yang melibatkan past tense dan present tense. Daripada respons murid, penyelidik dapati bahawa murid tahu tentang past tense dan present tense tetapi tidak memahami bagaimana ianya berfungsi. Mereka juga menghadapi masalah dengan kosa kata. Penyelidik juga telah membuat sedikit kaji selidik tentang masalah yang dihadapi murid menggunakan instrumen yang bertujuan untuk mengkaji atau menilai murid dari segi kefahaman mereka tentang tenses dan emosi mereka tentang tajuk ini. Ramai yang berasa bosan, bimbang, tidak bersemangat dan sebagainya. Aktiviti yang dijalankan ialah Follow the Lead, Fun with Words dan Let's Write. Aktiviti Follow the Lead menghendaki murid berbincang secara berpasangan untuk menukar ayat-ayat present tense kepada past tense dengan menggunakan subject and verb agreement yang betul. Dalam aktiviti Fun with Words pula, murid dikehendaki memotong sample essays mengikut perenggan. Setiap keratan perenggan itu ditampal dengan meninggalkan ruang kosong untuk ditulis makna perkataan-perkataan sukar. Murid dikehendaki menulis atau melukis makna atau contoh di ruang kosong yang disediakan tadi. Latihan-latihan pembinaan kosa kata seperti crossword puzzles atau padanan juga diberikan. Murid dikehendaki membina ayat berbentuk past tense dengan perkataan ini. Dalam aktiviti Let's Write pula murid mengembangkan idea dengan melakar peta minda. Guru juga memaparkan contoh penulisan dan soalan-soalan yang bersesuaian. Perbandingan keputusan sebelum aktiviti dijalankan dengan selepas aktiviti dijalankan amat memberangsangkan. Bilangan murid yang telah menguasai konsep past tense dan subject and verb agreement telah meningkat. Penyelidik juga mendapati bahawa min untuk perasaan takut, bimbang dan sebagainya telah turun. Murid lebih berminat dengan mata pelajaran Bahasa Inggeris dimana mereka tertunggu-tunggu waktu kelas tambahan. Peratus lulus kelas itu sentiasa lebih daripada 55% berbanding dengan 25% sebelumnya. Untuk kajian seterusnya, pengkaji boleh fokus kepada memotivasi murid menulis dalam bahasa Inggeris tanpa menitikberatkan ketepatan tatabahasa.

